

CNS8569

U PB 04-11 00196 XA021

AAB DEM

Mahathir - Islam

NEGARA ISLAM MUNGKIN JADI SASARAN SERANGAN BARAT, KATA MAHATHIR  
KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr  
Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa besar kemungkinan kuasa Barat  
akan mengalihkan perhatian mereka kepada Islam berikutan berakhirnya Perang  
Dingin dan runtuhnya sistem komunisme.

"Sudah ada tanda-tanda bahawa Barat kini menganggap Islam sebagai satu  
ancaman kepada mereka.

"Ada kemungkinan kita akan menjadi sasaran serangan Barat secara  
langsung dan berdasar kepada kedudukan yang lemah sekarang, kita boleh  
dihancurkan sama sekali oleh serangan itu," kata beliau ketika merasmikan  
Perhimpunan Agung UMNO 1993 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra,  
di sini.

Kata Perdana Menteri, imej Islam pada hari ini amat rendah dan  
selalunya dikaitkan dengan kemunduran dan kegagalan dalam hampir semua  
bidang.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, sikap berat sebelah dan  
prejudis bukan Islam terhadap Islam disebabkan umat Islam sendiri.

"Kekayaan yang dikurniakan kepada negara Islam tidak menguntungkan  
mereka bahkan menyebabkan mereka berperang sesama sendiri dan menjadi medan  
ujian bagi senjata Barat sehingga orang Islam dan negara Islam mudah  
diperalat dan dipermainkan kuasa-kuasa asing," katanya. -- Lagi.

AM KAM.

▼04/11/10-07MST

CNS8573

U PB 04-11 00185 XA022

AAB DEM

Mahathir - Islam 2 Kuala Lumpur

Menurutnya, tindak-tanduk yang radikal dan ekstrim sebilangan kecil umat Islam telah menyebabkan dunia bukan Islam menganggap bahawa itulah cara hidup Islam yang dilaungkan, sedangkan itu ialah satu penyelewengan yang terkeluar daripada amalan normal Islam.

Akibatnya, kata Dr Mahathir, umat Islam tidak dapat berbuat apa-apa ketika kaum seagama mereka di Bosnia dibedil, dibunuh dan dihalau setiap hari manakala yang di Somalia pula menghadapi kelaparan dan kematian.

Dalam hubungan itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sedang berusaha meyakinkan dunia bahawa Islam sebenarnya ialah satu agama yang progresif dan tidak memusuhi sesiapa.

Ini dilakukan menerusi penubuhan Institut Kefahaman Islam, Bank Islam, Syarikat Takaful Islam dan Universiti Islam Antarabangsa untuk memberi kefahaman kepada orang bukan Islam terhadap Islam, membuktikan bahawa sistem Islam munasabah dan mampu menampung keperluan manusia serta menunjukkan bahawa sistem pendidikan Islam boleh beriringan dengan sistem-sistem lain.

"Penetapan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 teretus atas kesedaran kita untuk membetulkan persepsi dunia bukan Islam bahawa negara Islam tidak semestinya mundur dan lemah," ujar beliau. -- Lagi.

▼04/11/10-13MST

CNS8581

U PB 04-11 00216 XA023

AAB DEM

Mahathir - Islam 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, Malaysia, sekurang-kurangnya, perlu dikembalikan kepada zaman kegemilangan Islam ketika penguasaan dan penerokaan ilmu dan perusahaan yang canggih sebilangan besarnya terdapat di negara Islam.

Menyorot sejarah titik tolak kejatuhan negara Islam, Dr Mahathir berkata, kemunduran umat Islam bermula apabila sekumpulan ulama Turki Osmaniah yang bimbang kehilangan pengaruh, menghalang pelajaran ilmu yang lain daripada yang khusus berkenaan dengan agama.

Menurutnya, elemen serupa kini terdapat di Malaysia sehingga ramai anak muda Melayu tidak berminat untuk mempelajari ilmu-ilmu yang lain daripada ilmu agama dan tiba-tiba meninggalkan pelajaran yang dikatakan sekular.

"Ini menyukarkan pemulihan kekuatan umat Islam di Malaysia dan keadaan menjadi lebih buruk kerana ada orang terpelajar dalam bidang agama ingin mengambil kesempatan daripada pegangan kuat orang Melayu kepada agama," katanya.

Dr Mahathir tidak menafikan keperluan kepada sekumpulan orang yang betul-betul terpelajar dan berpengetahuan mendalam dalam bidang keagamaan.

"Kita juga tidak menafikan peranan golongan itu dalam pentadbiran negara Islam untuk menentukan bahawa segala dasar dan pendekatan tidak bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi pendirian UMNO bahawa ia sebuah parti yang mengutamakanimbangan antara dunia dan akhirat, tidak ekstrim dan fanatik serta mengamalkan sikap sederhana secocok dengan ajaran Islam itu sendiri.

-- Bernama.

AM KAM.

▼04/11/10-25MST